

“ GOLD MEDAL MISSION ”

KEPUTUSAN PERLAWANAN MELIBATKAN ATLET UTM HARI 4 (21 OGOS 2013)			
BIL	PERMAINAN	PERINGKAT	KEPUTUSAN
1	BOLA BALING (L)	PUSINGAN KEDUA	UTM(21)-UTeM(16)
		SUKU AKHIR	UTM(13)-UPSI(26)
2	MEMANAH	ACARA : PUSINGAN OLIMPIK INDIVIDU	KE-4 (SAZATUL NADHIRAH)
3	SILAT	ACARA : SEPARUH AKHIR OLAHRAGA (INDIVIDU)	PUTRA C (ADAM) GANGSA
			PUTRA B (FAIZUL) LAYAK AKHIR
			PUTRI A (FATIMAH) GANGSA
4	BOWLING	ACARA: EMPAT SEPASUKAN LELAKI	KE-4 (HADISARDI, KWA MING SHEN, MUHD HAZIQ, AIMA HUSNI)
		ACARA: EMPAT SEPASUKAN WANITA	KE-10 (AMALINA, SYAFIAH, UMI AMIRAH, KHAIRUN SOFIEA)
		ACARA: ALL EVENT BOWLING LELAKI	KE-14 (AIMAN HUSNI)
			KE-15 (KWA MING SHEN)

JADUAL PERLAWANAN MELIBATKAN ATLET UTM HARI 5 (22 OGOS 2013)				
BIL	PERMAINAN	LAWAN	WAKTU	TEMPAT
1	MEMANAH	ACARA : PUSINGAN OLIMPIK BERPASUKAN CAMPURAN	0900	MSN TAMAN KERAMAT
2	SILAT	ACARA : AKHIR OLAHRAGA (INDIVIDU)	0900	KICT,UIAM
3	BOWLING	MASTERS LELAKI	1000	ENDAH PARADE, BUKIT JALIL
		MASTERS WANITA	1400	
4	BOLA JARING	(SUKU AKHIR) UTM vs UM	1000	DEWAN SERBAGUNA, PUSAT SUKAN UM
5	RAGBI	(SUKU AKHIR) UTM vs UM	1530	PADANG A, UIAM
6	PETANQUE	ACARA: TRIPLE	0900	KOMPLEKS SUKAN WANITA UIAM

SILAT CURI TUMPUAN

Hari keempat Karnival Sukan Masum 2013 menyaksikan acara silat paling menyerlah bagi kem UTM. Dua pingat gangsa berjaya diperoleh di gelanggang silat Dewan KICT UIAM hari ini menerusi Putra C, Adam dan Putri C Fatimah. Pantang menyerah sebelum bertanding, walaubagaimanapun setelah bertarung habis habisan Adam tewas kepada pesilat UiTM manakala Fatimah yang telah mencuba sedaya upaya juga tewas di peringkat separuh akhir kepada pesilat UUM. Kini harapan emas UTM terletak pada bahu Putra B, Faizul yang akan bertanding dalam perlawanan akhir pada hari ini. Semalam, dalam pertarungan separuh akhir, Faizul menepati ramalan apabila menundukkan pesilat UMT. Semoga hari ini emas yang dinanti-nanti akan tiba jua.



“SELAMAT HARI LAHIR !!”

Seramai 12 orang atlet diraikan dalam satu majlis ringkas malam tadi. Mereka adalah antara atlet yang menyambut hari lahir pada bulan Ogos. “Ini merupakan tradisi UTM sejak dulu lagi, siapa sahaja yang menyambut hari lahir dalam bulan yang berlangsungnya acara sukan yang besar pasti akan diraikan” kata Pn.Rahmah. Mereka juga mendapat cenderahati daripada pihak Unit Sukan UTM selain jamuan ringan untuk kesemua atlet.



UTM vs UM

Dua perlawanan suku akhir hari ini menampilkan perlawanan antara UTM bertemu UM. Skuad bola jaring UTM dijangka mendapat tentangan hebat daripada UM yang bermain dilaman sendiri dalam perlawanan yang akan berlangsung pada jam 10.00 pagi manakala pada jam 4.30 petang UTM Pirates juga akan menentang UM untuk menempah slot ke peringkat separuh akhir.

TERKANDAS DI SUKU AKHIR

Pentas suku akhir menjadi pentas terakhir buat pasukan futsal wanita dan bola baling lelaki apabila kedua-dua pasukan tewas dalam perlawanan suku akhir semalam. Pasukan futsal wanita UTM tewas 2-4 dalam penentuan sepakan penalti selepas seri 2-2. bertemu UMT. Taktik “counter attack” selain provokasi penyokong menyebabkan pasukan bola baling lelaki tewas 13-26 kepada UPSI.

